

**SPESIFIKASI PIAWAIAN DAN GRED PULASAN**  
**Standard FAMA FS042 - 2007**

**1. SKOP**

Spesifikasi piawaian dan gred ini adalah untuk pulasan atau nama botaninya *Nephelium mutabile* dari keluarga Sapindaceae. Bagi tujuan ini, standard ini akan meliputi Pulasan tempatan termasuk P65 (Lee) P66 (Hock 94 ) yang dipasarkan untuk kegunaan segar.

**2. DEFINASI TERMA**

Bagi tujuan spesifikasi tersebut, terma-terma yang digunakan akan bermaksud:

**2.1 Kematangan - Terdiri daripada enam (6) indeks seperti berikut:**

- 2.1.1 Indeks 1 – Belum matang. Kulit dan duri berwarna hijau atau hijau dengan sedikit kemerahan. Isi sangat pejal, kering dan sangat masam dan sedikit kelat.
  - 2.1.2 Indeks 2 – Hampir matang. Kulit dan duri berwarna hijau kemerahan. Isi pejal, kering dan rasanya agak masam dan sedikit kelat.
  - 2.1.3 Indeks 3 – Matang. Kulit dan duri berwarna merah dengan sedikit hijau. Isi agak pejal, rasanya agak manis kemasaman.
  - 2.1.4 Indeks 4 – Masak. Kulit dan duri berwarna merah dengan sedikit kekuningan. Isinya agak pejal, dan rasanya manis.
  - 2.1.5 Indeks 5 – Masak. Kulit dan duri berwarna merah sepenuhnya. Isi agak pejal, manis dan peringkat terbaik untuk dimakan segar.
  - 2.1.6 Indeks 6 – Terlalu masak. Kulit dan duri berwarna merah kehitaman. Isinya sudah agak lembik, berair dan rasanya mulai tawar.
- 2.2 Kematangan seragam – konsainan dianggap seragam jika mempunyai satu indeks warna atau gabungan 2 indeks yang hampir seperti 2 dan 3 dan sebagainya dalam satu lot.
  - 2.3 Segar – Pulasan mempunyai permukaan kulit yang kemerahan berkilat serta tekstur isi yang pejal.
  - 2.4 Kotor – Pulasan yang terdapat kesan-kesan benda asing yang tidak dibersihkan seperti sarang serangga, tanah, sisa-sisa racun perosak dan lain-lain bahan asing.

- 2.5 Kecacatan – Pulasan yang mempunyai tanda-tanda yang menjelaskan persembahan termasuk kotor, cacat dan cacat rupa.
- 2.6 Cacat – Pulasan yang bentuknya tidak normal atau sempurna seperti leper/ lonjong dan menjelaskan saiz isi buah
- 2.7 Cacat rupa - Kesan-kesan yang menjelaskan rupa buah seperti warna yang tidak sekata, bintik-bintik hitam, kesan parut dan lain-lain di mana kesannya tidak sampai ke bahagian isi. Kesan ini meliputi lebih 10% pada permukaan kulit Buah.
- 2.8 Rosak - Sebarang kecederaan atau kerosakan disebabkan oleh serangga perosak, penyakit dan kecederaan mekanikal disebabkan pengendalian yang akan menjelaskan jangkahayat simpanan, pemakanan dan kualiti.

### **3. KEPERLUAN MINIMUM**

- 3.1 Agak bebas daripada kerosakan disebabkan oleh kecederaan mekanikal, perosak dan penyakit
- 3.2 Tangkai pulasan tidak melebihi 2.5 cm dari pangkal buah.
- 3.3 Telah mencapai peringkat kematangan yang dikehendaki oleh pasaran (indeks 3 hingga 6)

#### **4. PENGELASAN GRED DAN SAIZ**

4.1 Pulasan dikelaskan kepada tiga (3) gred, bergantung kepada keadaan dan ciri-ciri gred seperti jadual berikut:-

<b>Gred</b>	<b>Spesifikasi</b>	<b>Kelonggaran (Maksimum)</b>
Premium	Pulasan dalam kelas ini mestilah daripada varieti yang sama, segar, bersih dan matang. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga mestilah bebas dari kecacatan atau kerosakan.	Kematangan < 5 % Segar < 5 % Rosak < 3% Kecacatan < 5% Keseragaman saiz < 5%
1	Pulasan dalam kelas ini mestilah daripada varieti yang sama, segar, bersih dan matang. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga mestilah agak bebas dari kecacatan atau kerosakan.	Kematangan < 5 % Segar < 5 % Rosak < 5% Kecacatan < 10% Keseragaman saiz < 10%
2	Pulasan dalam kelas ini mestilah daripada varieti yang sama, segar, bersih dan matang. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga mestilah agak bebas dari kecacatan atau kerosakan.	Kematangan < 10 % Segar < 10 % Rosak < 5 % Kecacatan < 10% Keseragaman saiz < 10%

4.2 Bagi Pulasan, saiz ditentukan oleh berat dalam unit gram (gm) sepetimana jadual berikut;

<b>Saiz</b>	<b>Kod</b>	<b>Berat (Gm)</b>
Besar	L	>75
Sedang	M	51 – 75
Kecil	S	40 – 50

## **5. PEMBUNGKUSAN DAN PELABELAN**

### **5.1 Pembungkusan**

- 5.1.1 Rambutan daripada gred yang sama hendaklah dibungkus menggunakan bekas yang sesuai supaya dapat memberi perlindungan yang optimum daripada kerosakan semasa pengendalian dan pengangkutan.
- 5.1.2 Kertas atau bahan lain yang digunakan untuk membalut atau mengalas hendaklah bersih dan tidak akan menyebabkan kerosakan semasa pengendalian dan pengangkutan.
- 5.1.3 Berat bersih yang dibenarkan bagi satu unit pembungkusan ialah tidak melebihi 30 kg.

### **5.2 Pelabelan.**

Tiap-tiap unit pembungkusan hendaklah dilabel yang mengandungi maklumat berikut:

- 5.2.1 Tarikh:
- 5.2.1 Nama/Kod Penanam
- 5.2.3 Nama/Kod pengeksport/ Kod pengimport
- 5.2.4 No. Kad Pengenalan
- 5.2.5 No. Pendaftaran syarikat
- 5.2.6 Alamat
- 5.2.7 Komoditi
- 5.2.8 Berat bersih
- 5.2.9 Gred

## **6.0 PERSAMPELAN**

Bilangan sampel dan kaedah persampelan bagi tujuan pemeriksaan adalah berdasarkan kepada MS 1187 “Method of Sampling For Fresh Vegetables”, atau kaedah statistik yang dipersetujui.